

Publication : Berita Harian, Ekonomi
Title : DVM Exports Genico to 11 Countries
Date : 15 December 2005, Thursday
Page/URL : pg B2



TERKINI: Ketua Pegawai Teknologi DVM, Owen Chen Chee Onn membuat demonstrasi kepelbagaian fungsi Genico sempena pelancaran produk itu di Kuala Lumpur, semalam.

DVM eksport Genico ke 11 negara

DVM Technology Bhd (DVM) yang disenaraikan di Pasaran Mesdaq Bursa Malaysia, mahu mengeksport produk terbarunya, Telefoni Jalur Lebar Genico (Genico) ke 11 negara dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengarah Eksekutifnya, Chen Chee Peng, berkata bagi tahun depan Genico akan dieksport ke Brunei, Singapura, Norway, Pakistan dan Thailand sebelum menembusi pasaran Australia, China, Filipina, Vietnam, Arab Saudi dan Hong Kong pada 2007.

"Sejak tiga tahun lalu, syarikat membelanjakan RM7 juta untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memastikan Genico mampu memenuhi kriteria yang ditetapkan syarikat telekomunikasi asing," katanya pada majlis pelancaran produk berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Chen berkata, DVM sudah memulakan kegiatan pemasaran secara aktif di negara terbabit bersama rakan perniagaan tempatan sejak dua tahun lalu dan yakin Genico akan mendapat sambutan baik.

Beliau menjangka syarikat akan meraih pulangan daripada pelaburan bagi pembangunan produk berkenaan dalam tempoh antara dua sehingga tiga tahun akan datang kerana DVM menjalinkan usaha sama untuk jangka masa panjang dengan pelanggannya.

Katanya, syarikat akan membangunkan ciri tambahan kepada Genico supaya terus sesuai dengan kehendak pasaran.

Genico menawarkan penyelesaian telefoni dengan protokol internet (IP) jalur lebar yang membolehkan penggunaan perkhidmatan komunikasi IP inovatif bagi pelanggan korporat ma-

hupun di rumah.

Program berkenaan merangkumi keseluruhan perkhidmatan jalur lebar termasuk suara, video dan perkongsian aplikasi yang dibangunkan untuk menepati keperluan syarikat telekomunikasi, pengusaha talian mudah alih dan penyedia perkhidmatan rangkaian.

DVM menetapkan pelaburan awal bagi pemasangan perisian Genico daripada RM950,000 tetapi pelanggan masih dapat mengekalkan infrastruktur sedia ada kerana sistem sokongan, pertengahan dan hadapannya boleh dipasang secara berasingan, mengikut keperluan pelanggan.

DVM disenaraikan di Pasaran Mesdaq pada 2 Januari 2004 dan mencatatkan pendapatan RM11 juta dalam tahun kewangan berakhir 30 September lalu.